

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN :**

Beberapa perkara utama yang akan dipaparkan dalam bab pendahuluan ini ialah mengenai pernyataan masalah mengapa tajuk ini dipilih, latar belakang motivasi yang dilihat dari perspektif sejarah, soalan kajian, tujuan dan objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian serta pengistilahan definisi.

#### **1.2 PERNYATAAN MASALAH :**

Antara perkara penting yang perlu dilihat apabila memperkatakan tentang kecemerlangan pelajar ialah yang berkaitan dengan dorongan motivasinya. Seorang pelajar dianggap cemerlang apabila berjaya meningkatkan prestasi pembelajarannya atau sekurang-kurangnya dapat mengekalkan tahap baik yang sedia ada di sepanjang pengajiannya.

Kecemerlangan yang dimiliki oleh seseorang pelajar tidak akan terus menerus berada dalam situasi yang konsisten. Persoalan kecemerlangan seperti juga persoalan iman, tidak akan kekal dalam diri seseorang kecuali dengan adanya kesungguhan memperbaiki dan meningkatkan kualitinya. Kecemerlangan dan kelembapan seseorang pelajar amat berkait rapat dengan pelbagai faktor, di antaranya ialah faktor prasarana pembelajaran, persekitaran tempat tinggal dan juga yang menjadi fokus dalam kajian ini iaitu dari sudut dorongan motivasi diri.

Kajian ini melihat perlunya ada usaha-usaha tambahan bagi mendapatkan semangat baru, rangsangan dan dorongan untuk meneruskan kewaspadaannya terhadap semua tanggungjawab yang ada. Usaha-usaha menyuntik semangat dan dorongan tersebut seumpama seorang bilal yang bertugas melaungkan seruan azan

ketika tibanya waktu solat. Tidak bermakna semua jemaah telah lupa kepada waktu tersebut, namun iaungannya tetap dituntut untuk mengembalikan kesegaran dan kepekaan tanggungjawab tersebut dalam minda mereka yang mungkin telah dilekakan oleh sifat malas dan lupa, malah azan juga adalah untuk orang yang memang sentiasa menunggu-nunggu tibanya waktu solat.

Seorang pelajar yang cintakan kecemerlangan sama seperti seorang muslim yang cintakan keampunan dan syurga Allah. Kecemerlangan dan syurga-Nya hanya mampu dicapai oleh mereka yang sifatnya berlumba-lumba. Allah berfirman :

وَمَسَارِعُ أَلَّا مَغْفِرَةٌ مِّنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٌ عَرَضُهَا  
الْأَسْمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعَدَتُ لِلْمُتَّقِينَ

*Dan bersegeralah kamu kepada ampunan daripada Tuhan kamu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.<sup>1</sup>*

Ayat di atas menunjukkan wajibnya mengarahkan diri kepada apa yang menyebabkan keampunan Allah iaitu dengan mentaati perintah-Nya. Didahulukan soal keampunan sebelum perkara syurga kerana kaedah membuang yang negatif lebih perlu didahulukan sebelum menghiasinya dengan yang positif, oleh itu tidak layak masuk syurga bagi sesiapa yang tidak membersihkan dirinya daripada dosa maksiat terlebih dahulu.<sup>2</sup>

Dapat difahami kecemerlangan dan syurga Allah adalah milik bagi mereka yang sentiasa peka kepada perjuangan dan sentiasa objektif terhadap kepentingan ilmu. Kecemerlangan dan syurga Allah bukan untuk golongan penganggur, pemalas, golongan jahil dan buta hati. Ia adalah ganjaran bagi mereka yang *mukhlisīn* ( orang yang ikhlas dalam perjuangan ), para *syuhadā'* ( orang yang berjuang demi mempertahankan agama Allah ), para mujahid dan termasuk juga para ilmuwan Islam yang bermotivasi.

<sup>1</sup> Surah Āli ‘Imrān ( 3 ), ayat 133

<sup>2</sup> Wahbah al-Zuhaili, Prof. Dr. ( 1991 ), *Al-Tafsīr al-Munīr*, juz. 4, Beirut : Dār al-Fikr, h. 91

Merujuk kepada perbahasan di atas, pihak UiTM Cawangan Perak telah kerap kali mengadakan sesi bimbingan dan kecemerlangan pelajar sama ada dalam bentuk kursus ( mengikut keperluan ), *study skill* ( kemahiran belajar ), motivasi belajar ( untuk semua pelajar baru ), perkhemahan sambil belajar, bengkel mentor mentee ( tahun 1999 semua fakulti telah berjaya melaksanakannya ), menjana kecemerlangan mahasiswa ke alaf baru dan sebagainya. Walaupun demikian, program bimbingan yang telah dinyatakan di atas masih agak terbatas dan terikat kerana faktor kewangan dan faktor sampingan lain yang melibatkan pengurusan dua kampus ( kampus lama di Seri Manjung dan kampus baru di Seri Iskandar ). Pendekatan programnya juga lebih ditumpukan kepada kecemerlangan akademik.<sup>3</sup>

Setelah UiTM Cawangan Perak berpindah semuanya ke kampus Seri Iskandar pada tahun 2000 program bimbingan dan kecemerlangan pelajar telah diselaraskan atas nama Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar ( KKDP ) dengan kerjasama semua pihak iaitu fakulti, Bahagian Hal Ehwal Akademik ( HEA ) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar ( HEP ). Kajian ini ingin melakukan penyelidikan dengan lebih mendalam mengenainya dengan memberi fokus kepada elemen-elemen motivasi dakwah yang terdapat dalam kursus tersebut.

Tumpuan kajian pula kepada para pelajar yang dipilih khusus untuk mengikutinya oleh pihak urusetia. Mereka terdiri daripada kalangan pelajar yang masih belajar pada sesi 2002 / 2003 dengan saiz sampel seramai 205 orang.

### 1.2.1 Motivasi Dari Perspektif Sejarah :

Menelusuri asal usul kemunculan motivasi, kajian ini akan memaparkan beberapa catatan mengenai motivasi konvensional dan juga motivasi yang ada kaitannya dengan Islam.

Dalam konteks motivasi konvensional, menurut Habibah Elias pada sekitar awal kurun ke-20 ahli-ahli psikologi seperti Mc Dougal telah pun mengkaji

<sup>3</sup> Fail Bengkel, Unit Kerjaya Dan Kaunseling UiTM Cawangan Perak, Bil: 21 dan Fail Mentor Mentee, Unit Kerjaya Dan Kaunseling UiTM Cawangan Perak, Bil : 33

bahawa tingkah laku manusia dipengaruhi oleh naluri semula jadinya, oleh itu ia tidak perlu untuk dibuat sebarang kajian, namun teori ini tidak lagi relevan kerana telah menerima banyak kritikan. Kemudian muncul pula pada tahun 1920-an istilah “ dorongan ” yang mula diterima sebagai penerangan kepada tingkah laku manusia dan konsep “ homeostesis ” yang mula diperkatakan pada sekitar tahun 1930-an.<sup>4</sup>

Dapat difahami di sini motivasi yang telah muncul sebagai satu bidang ilmu yang mampu berdiri sendiri serta mempunyai falsafah dan paradigmanya yang tersendiri telah diterima oleh ramai tokoh pengkaji motivasi sebagai satu ilmu yang wujud sekitar kurun ke dua puluh.

Menyorot pandangan daripada tokoh-tokoh Islam pula mereka mengakui walaupun ilmu motivasi Islam masih belum ada, namun secara prinsipnya pendekatan unsur-unsurnya telah pun diguna pakai di dalam metode pengajaran al-Quran dan hadis, contohnya penggunaan perkataan *al-targhib* ( الترغيب ) yang merujuk kepada galakan supaya mendapatkan sesuatu dan juga *al-tarhib* ( الترهيب ) yang merujuk kepada dorongan supaya meninggalkan sesuatu.

Al-Mundhir dalam kitabnya *Al-Targhib wa al-Tarhib* telah mengumpul sebanyak 5,580 hadis-hadis Nabi s.a.w. yang mengandungi unsur-unsur *al-targhib* dan *al-tarhib* yang telah dimuatkan dalam juzuk 1 hingga 4<sup>5</sup>. Sebahagian daripada juzuk ke-4 tersebut telah dimuatkan dengan 452 ayat-ayat al-Quran yang juga mengandungi unsur-unsur *al-targhib* dan *al-tarhib*<sup>6</sup>. Kajian disertasi ini banyak merujuk kepada kitab tersebut ketika mengupas tajuk elemen-elemen motivasi dakwah dalam bab 2.

Dalam konteks al-Quran juga, ‘Abd al-Karīm Zaidān telah mengungkapkan bahawa pendekatan tersebut telah pun wujud sejak zaman Nabi Adam a.s.,

<sup>4</sup> Habibah Elias ( 1991 ), *Kesan Latihan Motivasi Pencapaian Ke Atas Pelajar-pelajar Universiti*, ( Tesis Ph.d. Universiti Kebangsaan Malaysia ). Bangi, h. 95

<sup>5</sup> Sila rujuk Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz al-Mundhirī ( 1996 ), *Al-Targhib wa al-Tarhib*, ( cet. 2 ), juz. 1 hingga 4 , Beirut : Dār Ibn Kathīr.

<sup>6</sup> *Ibid*, juz. 4, h. 506 - 581

contohnya *al-targhib* syaitan kepada baginda dan isterinya Hawā' supaya makan buah larangan di syurga<sup>7</sup>, seterusnya *al-targhib* dan *al-tarhib* yang wujud di zaman Nabi Nuh a.s.<sup>8</sup>, Nabi Hud a.s.<sup>9</sup>, Nabi Syu'aib a.s.<sup>10</sup> hingga ke zaman Nabi Muhammad s.a.w..<sup>11</sup>

Sebagai rumusannya, kemunculan motivasi jika dilihat dari perspektif konvensional adalah termasuk ilmu baru yang muncul sekitar kurun ke-20, tetapi jika dilihat dari perspektif Islam ia telah wujud sejak zaman Nabi Adam dan telah menjadi sebahagian pendekatan yang diajar oleh Allah kepada para nabi dan rasul-Nya dalam menyampaikan tugas dakwah.

### 1.3 SOALAN KAJIAN :

Hasil daripada sasaran objektif yang tersebut penulis dapat merumuskan permasalahan utama yang akan dianalisa dan dikaji di antaranya :

1.5.1 Apakah elemen-elemen motivasi dakwah wujud dalam KKDP tersebut.

1.5.2 Apakah motivasi dakwah masih tetap relevan untuk diimplementasikan dalam program motivasi pada masa kini dan akan datang.

1.5.3 Apakah motivasi dakwah boleh berperanan untuk mengisi ruang dan skop yang diberikan dalam menjayakan matlamat programnya secara menyeluruh.

1.5.4 Apakah gambaran praktikal motivasi dakwah yang dapat disaksikan di sepanjang berlangsungnya program tersebut.

Semua permasalahan utama di atas akan diteliti dan dianalisa secara mendalam berdasarkan maklumat-maklumat yang diyakini sahih, ia bertujuan

<sup>7</sup> Abd al-Karīm Zaidān, Dr. ( 2000 ), *Al-Mustafid Min Qiṣṣat al-Qurān li al-Da'wah wa al-Du'āh*, juz. 1, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, h. 19

<sup>8</sup> *Ibid*, h. 133 - 134

<sup>9</sup> *Ibid*, h. 172 - 174

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 240 - 241

<sup>11</sup> *Ibid*, juz. 2, h. 17

supaya analisa ini benar-benar bernilai dan dapat diguna pakai di dalam perancangan program motivasi pelajar pada masa akan datang.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN :**

Melalui kajian ini beberapa objektif penting telah pun dikenal pasti iaitu :

1.4.1 Mengenal pasti elemen-elemen motivasi dakwah yang ada di dalam aktiviti KKDP tersebut.

1.4.2 Mengenal pasti kesesuaian motivasi dakwah dalam konteks pembinaan motivasi yang sedia ada.

1.4.3 Mengenal pasti ruang dan skop yang boleh dimainkan oleh motivasi dakwah untuk sama-sama berperanan dalam pembinaan motivasi tersebut.

1.4.4 Membuktikan motivasi dakwah merupakan faktor penyumbang yang berkesan di dalam memotivasi para pelajar.

#### **1.5 BATASAN KAJIAN :**

Kajian ini hanya akan membataskan untuk program KKDP bagi tahun 2001 sahaja kerana pada tahun tersebut semua fakulti di UiTM Perak telah berkesempatan menjayakannya mengikut tentatif program tahunannya.<sup>12</sup> Sorotan kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada elemen-elemen motivasi dakwah wujud atau tidak dalam program KKDP tersebut. Sasaran persampelannya pula hanya kepada 123 orang pelajar sahaja iaitu sekitar 60% daripada jumlah semua populasi yang mengikuti program dan yang masih belajar pada sesi 2002 / 2003 seramai lebih kurang 205 orang.

Kajian ini tidak akan mengkaji dari sudut keberkesanannya program motivasi tersebut kerana ia tidak termasuk dalam soalan kajian. Ia juga tidak mengkaji

<sup>12</sup> Sila lihat tentatif program bagi aktiviti tahun 2001 dalam Lampiran A

tentang sebab dan akibat seperti yang terdapat dalam kajian berbentuk eksperimental kerana tumpuan eksperimental akhirnya akar merujuk kepada nilai keberkesanannya.

Kajian ini juga tidak akan menyentuh dari sudut pencapaian akademik responden setelah mereka mengikuti program, kaitan dengan CGPA, faktor-faktor dorongan yang membawa kepada kecemerlangan atau kelembapan akademik mereka dan seumpamanya.

Seterusnya, kajian ini juga tidak akan mengkaji tentang bentuk-bentuk korelasi, contohnya seperti perbandingan antara dua jenis data iaitu data-data daripada motivasi konvensional dengan data-data daripada motivasi dakwah.

#### **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN :**

Tajuk kecemerlangan bagi generasi pelajar sudah lama menjadi topik perbahasan. Namun jika kecemerlangan itu ingin dilihat dari sudut pandangan dan tradisi keilmuan Islam sudah pasti rujukannya tidak boleh bercanggah dengan sumber wahyu al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. begitu juga pandangan para pendokong yang beriltizam dengannya. Oleh itu, kajian ini amat pasti di dalam disiplin keilmuan Islam juga tersimpan pelbagai khazanah berharga berkaitan dengan naluri rangsangan motivasi dakwah yang ingin dibicarakan ini.

Kajian ini adalah penting untuk mengumpul seberapa banyak maklumat dan fakta yang berkaitan dengan motivasi dakwah agar dapat dimanfaatkan bagi membantu usaha-usaha membina kecemerlangan diri para pelajar di UiTM Cawangan Perak ini dengan :

- i. Memberi maklumat kepada pihak pengurusan UiTM, khususnya pihak penganggaran program motivasi mengenai bentuk, metode dan cara pendekatan program motivasi dakwah ini.

- ii. Memberi maklumat kepada pihak pengajur program motivasi tentang kemungkinan program motivasi dakwah boleh menyumbang bakti dalam membina kecemerlangan pelajar.
- iii. Memberi pandangan kepada pihak pengajur program motivasi mengenai perkara-perkara yang sepatutnya perlu diutamakan di dalam pengisian sesuatu program motivasi.
- iv. Memberi pandangan kepada pihak pengurusan UiTM bahawa motivasi dakwah tetap relevan untuk diketengahkan di dalam program kecemerlangan diri pelajar walaupun modelnya yang terdiri daripada para nabi dan rasul yang sudah meninggalkan kita.

Kajian ini yakin usaha pembinaan motivasi bagi pembentukan manusia berketerampilan merupakan di antara usaha yang begitu mustahak untuk dititikberatkan dan ia sepatutnya suatu program yang bukan dianjurkan secara bermusim tetapi yang sentiasa berkesinambungan.

Memang menjadi sifat manusia ketika berhadapan dengan tugas dan tanggungjawab yang banyak setiap hari, mereka tidak dapat lari daripada masalah kelemahan dan kekurangan. Elemen kelemahan dan kekurangan akan dirasai apabila stamina yang ada di dalam dirinya mengalami penurunan kepada tahap yang tidak bermotivasi.

Antara elemen umum yang boleh mengganggu kecemerlangan manusia khususnya para pelajar ialah sifat putus asa, tekanan perasaan, kemurungan, minda yang bercelaru, semangat yang semakin malap dan sebagainya. Oleh itu, manusia amat perlu dimotivasikan supaya ia sentiasa berubah dan bergerak kepada trek laluan yang baik dan sihat.

## 1.7 PENGISTILAHAN DEFINISI :

### 1.7.1 MOTIVASI :

Merujuk kepada pendekatan Barat, perbincangan motivasi telah dibicarakan oleh kalangan para ilmuwannya melalui pelbagai aspek, sebab itu mereka tiada kata sepakat mengenai definisi motivasi itu sendiri. Hakikat ini mungkin disebabkan motivasi merupakan satu bidang kajian yang merangkumi skop yang terlalu luas.

Perkataan motivasi berasal daripada bahasa Inggeris *motivation*. Istilah *motivation* pula merupakan gabungan antara perkataan *motive* dan *action* (*motive-in-action*<sup>13</sup>). *Motive* ertinya *causing motion* atau menghasilkan sesuatu gerakan, manakala *action* pula bermakna *process of doing things*; *movement* atau proses untuk melakukan sesuatu gerakan. Jika digabungkan keseluruhannya motivasi bermakna bertindak berdasarkan sesuatu insentif atau dorongan dalam dan juga luaran.<sup>14</sup>

Menurut Kamus Inggeris-Melayu Dewan erti *motive* ialah *causing motion* iaitu penggerak atau pendorong, manakala erti *motivation* pula ialah dorongan, stimulasi atau rangsangan.<sup>15</sup>

Menurut Richard Denny, *motivation is getting somebody to do something because they want to do it* iaitu mengarahkan seseorang untuk melakukan sesuatu kerana mereka sendiri yang menghendaki melakukan yang demikian. Pendekatan ini berbeza dengan kaedah *manipulation* kerana fokus *manipulation* ialah mengarahkan seseorang untuk melakukan sesuatu kerana mereka yang dikehendaki melakukan yang demikian.<sup>16</sup>

---

<sup>13</sup> Walter Doyle Staples ( 1994 ), *Think like a winner !*, Singapore : Heinemann Asia, h. 259

<sup>14</sup> Zaini Ujang ( 1993 ), *Motivasi dan Kaedah Membaca*, Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, h. 21

<sup>15</sup> *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* ( 1999 ), ( cet. 2 ), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 993

<sup>16</sup> Richard Denny ( 1993 ), *MOTIVATE TO WIN Tested Techniques for Greater Achievement*, London : Kogan Page Limited, h. 12

Davidoff pula berpendapat motivasi merujuk kepada keinginan, kemahuian dan desakan dalaman (*internal force*) yang terdapat dalam diri seseorang untuk melahirkan perlakuan berfikir, bercakap dan bertindak.<sup>17</sup>

Menurut Grolier Encyclopedia, motivasi ialah membuat suatu hipotesis tentang sebab-sebab sesuatu perangai, demikian juga tentang unsur-unsur yang dapat menentukan kebangkitan sesuatu perangai, kekuatan otak, pengarahan, ketekunan atau ketabahan hati.<sup>18</sup>

Jika ditinjau dari sudut pendekatan bukan Barat (termasuk Islam), perkataan motivasi juga didefinisikan dengan pendekatan yang pelbagai. Kamus Dewan telah mendefinisikan motivasi dengan dua pengertian : Pertamanya keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang telah mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan matlamat mencapai kejayaan. Keduanya ialah sesuatu yang membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dengan penuh minat.<sup>19</sup>

Menurut Ensiklopedia Malaysiana pula, motivasi merupakan suatu proses yang membolehkan seseorang berupaya menggalakkan individu lain melakukan sesuatu. Dalam banyak hal, wang dan pemilikan material merupakan penggalak utama ke arah mencapai matlamat ini.<sup>20</sup>

Ditinjau penggunaannya di dalam bahasa Arab pula, pemakaian istilah motivasi terdapat dalam pelbagai bentuk. Menurut The Oxford English – Arabic Dictionary, *motivation* diertikan dengan (كان باعثاً أو محرّكاً لـ) iaitu pembangkit atau penggerak bagi sesuatu, manakala perkataan *motivated* pula diertikan dengan (محفز, دفع إلى) iaitu menggalak atau mendorong ke arah sesuatu.<sup>21</sup>

<sup>17</sup> Linda L. Davidoff (1980), *Introduction to Psychology*. MGHBC, New York, h. 311.

<sup>18</sup> *Grolier Encyclopedia of Knowledge* (1992), Vol.13. USA : Grolier Incorporated Danbury Connecticut, h. 103

<sup>19</sup> *Kamus Dewan* (2000), (edisi 3), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 898

<sup>20</sup> *Ensiklopedia Malaysiana* (1996), Kuala Lumpur : Anzagain Sdn. Bhd. jilid 8, h. 463.

<sup>21</sup> *The Oxford English – Arabic Dictionary Of Current Usage* (1992), Hong Kong : Oxford University Press, h. 792

Muhammad Lutfī al-Sabbāgh telah menggunakan perkataan *taujīhāt* ( توجيهات<sup>22</sup> ) yang membawa maksud menggalakkan, mengarahkan atau mengorientasikan. Manakala tokoh-tokoh lain seperti Hamid ‘Abd al-Salām Zahrān, Sa’d ‘Abd al-Rahmān dan Najātī lebih suka menggunakan perkataan *al-dāfi’* ( الدافع<sup>23</sup> ) yang merujuk kepada motif, dan *al-dāfi’ iyyah* ( الدافعية<sup>24</sup> ) yang merujuk kepada motivasi.

‘Abd al-Rahmān al-Maidānī pula telah menggunakan perkataan *al-hāfiẓ al-dhāfi’* ( الحافر الناتي<sup>25</sup> ) yang bererti dorongan atau kekuatan dalaman seseorang yang mengerakkan kecenderungan untuk memenuhi keperluannya dan kemudian membiasakannya sebagai suatu tabiat sama ada yang berkaitan dengan dorongan dalaman mahu pun luaran.<sup>26</sup>

Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin, istilah motivasi dapat difahami sebagai suatu gerakan yang berpunca daripada keperluan dan keperluan pula melahirkan dorongan. Dengan adanya dorongan manusia melakukan sesuatu untuk memenuhi keperluannya. Dengan itu terjadilah suatu kitaran atau putaran motivasi yang melibatkan keperluan, motif, tingkah laku, matlamat, balik semula kepada keperluan.<sup>27</sup>

Menyentuh perkara motif pula, sesetengah ahli psikologi lebih suka membahagikan motif kepada dua pembahagian utama iaitu motif biologi (*the biological motivation*) dan motif sosial (*the social motivation*). Motif biologi ialah seperti lapar, dahaga dan seks. Motif sosial pula ialah seperti kekuasaan, penggabungan, perlumbaan, ingin tahu dan pencapaian.<sup>28</sup>

<sup>22</sup> Muhammad Lutfī al-Sabbāgh, Dr. ( 1992 ), *Taujihāt Qurdnīyyah Fi Tarbiyah al-Ummah*, Beirut : Al-Maktab al-Islāmī, h. 5

<sup>23</sup> Sila lihat Hamid ‘Abd al-Salām Zahrān, Dr. ( 1977 ), ‘Im al-Nafs al-Ijtima’iyy, ( cet. 4 ), Kaherah : ‘Alam al-Kutub, h.109. Lihat juga Sa’d ‘Abd al-Rahmān, Dr. (1983), “*Al-Sulāk al-Insānī “takhīl wa qiyās al-mutaghayirūt*”, Kuwait : Maktabah al-Falāh, h. 40. Lihat juga Muhammad ‘Uthmān Najātī, Dr. ( 1989 ), *Al-Hadīth al-Nabawīyyah wa ‘Ilm al-Nafs*, Beirut : Dar al-Syurūq, h. 19

<sup>24</sup> ‘Abd al-Rahmān Hasan Hanbakah al-Maidānī ( 1407H ), *Al-Akhlaq al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, ( cet. 1 ), Damsyik : Dār al-Qalam, h. 202.

<sup>25</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr. ( 1999 ), *Psikologi Dakwah* . Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( JAKIM ), h. 4.

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 3-4

Merujuk kepada gambaran kitaran motivasi di atas, secara teorinya seolah-olah manusia itu begitu mudah untuk dimotivasi, namun pada hakikatnya ia perlu melalui pelbagai proses yang melibatkan masa dan cara pendekatannya. Melalui kepelbagaiannya cara tersebut akan dapat diperhatikan apakah perkara-perkara yang boleh memotivasi manusia dan bagaimana pula mereka boleh dimotivasi, seterusnya apakah bentuk-bentuk keutamaan serta tindakan susulan yang perlu untuk dilakukan.

### Rumusan Daripada Pelbagai Definisi Tentang Motivasi :

Melalui pelbagai definisi yang telah diketengahkan, pendekatan definisi yang dirasakan ada kaitannya dengan kajian ini ialah bermaksud suatu proses yang membolehkan seseorang itu berupaya menggerakkan kemauan atau dorongan dalaman ( intrinsik ) dan juga luaran ( ekstrinsik ) yang berkaitan dengan sesuatu desakan atau keperluan, semua desakan atau keperluan tersebut sama ada yang berkaitan dengan perlakuan berfikir, bercakap dan bertindak dilakukan dengan penuh minat demi untuk mencapai kejayaan.

#### 1.7.2 DAKWAH :

Perkataan dakwah diambil daripada bahasa Arab ( الدعوة ) yang mempunyai banyak pengertian antaranya ialah meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru, melaung,<sup>27</sup> mengharap, menamakan dan ucapan.<sup>28</sup> Orang yang menjalankan tugas dakwah pula disebut *al-dā'i*, contohnya Rasulullah s.a.w. sebagai *al-dā'i* kepada umatnya supaya mentauhidkan Allah dan mentaati-Nya, muazin juga disebut *al-dā'i* untuk mengagungkan Allah.<sup>29</sup>

Merujuk kepada pengistilahan dari kalangan ahli dakwah pula *da'wah Islāmiah* didefinisikan dengan makna yang pelbagai. Sebab terjadi demikian

<sup>27</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr. ( 1997 ), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 1

<sup>28</sup> Muftid Khālid 'Aid Ahmad 'Aid ( 1995 ), *Al-'Alqah Baina al-Fiqh wa al-Da'wah* , Beirut : Dār Ibn Hazm, h. 25-26

<sup>29</sup> Ibn Manzūr ( 1979 ), *Lisān al-'Arab*, Kaherah : Dār al-Ma'ārif, jilid 2, h. 1386

kerana persoalan dakwah lebih hampir kepada pendekatan secara praktikal ( dari sudut implementasi ) daripada pendekatan secara teori, lebih-lebih lagi dakwah amat berkait rapat dengan semua cabang ilmu syariat yang merupakan sebahagian daripada skop amalan tersebut.<sup>30</sup>

Menurut al-Qaradāwi maksud dakwah ialah menyeru manusia kepada Islam, mengikuti hidayahnya, melaksanakan semua *manhajnya* di atas muka bumi, mengkhususkan semua bentuk pengabdian diri, permohonan, pertolongan dan ketaatan hanya kepada Allah, melepaskan diri daripada kongkongan taghut yang terpaksa ditaati selain Allah, memberikan hak kepada orang yang memang ditentukan haknya oleh Allah dan menafikan hak ke atas orang yang dinafikan haknya oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad di jalan-Nya.<sup>31</sup>

Menurut al-Bahī makna dakwah ialah memindahkan suatu umat daripada suatu persekitaran kepada suatu persekitaran yang lain. Itulah tugas penting pendakwah, di dalamnya terkandung *manhaj* atau tata cara jangka pendek dan jangka panjang.<sup>32</sup>

Muhammad al-Ghazālī pula dakwah bermaksud suatu program yang lengkap di mana semua peringkat aktivitinya mengandungi segala jenis ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan kehidupan serta menyingskap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.<sup>33</sup>

Daripada pelbagai definisi tentang dakwah di atas, menurut Ab. Aziz Mohd. Zin beliau lebih tertarik kepada definisi bahawa dakwah adalah suatu kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain sama ada secara individu mahupun secara kelompok supaya timbul dalam dirinya suatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran

<sup>30</sup> Mufid Khālid ‘Aid Ahmad ‘Aid ( 1995 ), *loc. cit.* , h. 28

<sup>31</sup> Yusuf al-Qaradāwi, Dr. ( 2001 ), *Thaqāfah al-Da’iyah* , Beirut : Mu’assasah al-Risālah, h. 5

<sup>32</sup> Al-Bahī al-Khūlī ( 1984 ), *Tadkīrah al-Du’āh* , Kuwait : Maktabah al-Fallāh, h. 35.

<sup>33</sup> Muhammad al-Ghazālī ( 1989 ), *Ma’ā Allāh, Dirāsah Fī al-Dakwah Wa al-Du’āt* , Beirut : Dār al-Qalam, h. 17.

agama sebagai mesej yang disampaikan kepadanya tanpa adanya unsur-unsur paksaan.<sup>34</sup>

Termasuk dalam perbahasan tentang dakwah ialah perkataan islah yang bermaksud usaha untuk memperbaiki keadaan orang Islam sama ada dari sudut akidah, akhlak, muamalah, kemasyarakatan, perekonomian dan sebagainya yang boleh membawa kepada peningkatan mutu umat Islam. Pada asalnya islah bererti dakwah kepada orang Islam sedangkan dakwah ialah berdakwah kepada orang bukan Islam namun dalam konteks pemakaian umum dakwah juga untuk orang Islam dan bukan Islam.<sup>35</sup>

Jelasnya, apa yang dapat diringkaskan daripada pelbagai definisi di atas dakwah adalah suatu proses gerakan yang berbentuk ajakan sama ada dengan menggunakan lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan berdasarkan *manhaj* atau tata cara jangka panjang dan jangka pendek dalam usaha mempengaruhi orang lain sama ada yang melibatkan individu atau pun jemaah ( kelompok ) supaya timbul dalam dirinya pengertian, kesedaran dan sikap penghayatan terhadap ajaran agama tanpa adanya unsur-unsur paksaan.

#### Rumusan Mengenai Motivasi dan Dakwah :

Melalui dua perbahasan definisi di atas sama ada yang menyentuh perkara motivasi mahu pun dakwah dapat diperhatikan bahawa kedua-duanya merupakan suatu proses gerakan ( *movement* ) atau tindakan ( *action* ) yang bergerak melalui gabungan tiga elemen besar iaitu adanya keperluan ( tujuan dan matlamat ), kemudian memerlukan kepada *manhaj* ( metode ) dan akhirnya perlu kepada tindakan atau reaksi positif demi mencapai suatu matlamat yang telah ditetapkan.

<sup>34</sup>

Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr. ( 1999 ), *op. cit.* , h. 16

<sup>35</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr. ( 1997 ), *op. cit.* , h. 6-7.